

TARIKH	25/7/2016	SEKSYEN	Negeri
MUKA SURAT	16	RUANGAN	



SULTAN Sharafuddin Idris Shah (kiri) berkenan bersalaman dengan bakal jemaah haji selepas mencemar duli menyempurnakan Majlis Penutup Kursus Pertama Haji Musim 2016 di Shah Alam semalam.

## Bakal haji perlu persediaan lengkap

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah agar semua bakal haji tahun ini supaya membuat persiapan rapi sebelum berangkat ke tanah suci.

Baginda bertitah, untuk mengerjakan ibadah haji, seseorang itu memerlukan kesihatan fizikal yang baik dan kekuatan mental yang kuat.

"Beta turut berkenan menasihatkan agar semua bakal haji dapat memberikan fokus sepenuhnya semasa menuanakan ibadah haji di samping menjaga akhlak dan tingkah laku.

"Tunaikanlah ibadah haji de-

ngan tertib, sabar serta mengikut peraturan yang dikeluarkan semasa ke semasa oleh pihak Tabung Haji (TH)," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Penutup Kursus Pertama Haji Musim 2016 di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah.

Pada masa sama, baginda turut menasihati bakal haji agar sentiasa menumpukan sepenuh perhatian kepada amal ibadah masing-masing dan sentiasa ber-

jimat cermat semasa berada di tanah suci.

Dalam pada itu, Johan dalam ucapannya berkata, seramai 4,038 bakal haji dari negeri ini menghadiri kursus selama dua hari bermula semalam bagi memberi pendedahan keadaan seakan-akan sama ketika menuaikan ibadah itu nanti.

"Kursus Pertama Haji ini merupakan kursus terakhir dianjurkan TH dalam usaha meningkatkan tahap pengetahuan jemaah haji berkaitan ibadah berkenaan serta menyampaikan maklumat terkini sebelum berangkat ke tanah suci," ujarnya.